

Lapan sungai catat paras bahaya

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR
dan MOHD. HAFIZI AHMAD
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Paras air di lapan sungai di negara ini dikesan melebihi paras bahaya dan berkeungkinan mengakibatkan banjir sekiranya hujan berterusan di kawasan berkenaan.

Sungai tersebut adalah Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Damansara di Selangor, Sungai Linggi dan Sungai Muar di Negeri Sembilan, Sungai Simpang Kiri di Johor dan Sungai Selangau di Sarawak.

Pengarah Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Hanapi Mohamad Noor berkata, kuantiti hujan yang turun antara 30 hingga 50 milimeter (mm) di kawasan berkenaan menjadi punca kejadian itu.

"Sekiranya hujan melebihi 100mm hari ini (semalam), limpahan air sungai pasti akan berlaku dan seterusnya mengakibatkan banjir di kawasan tersebut.

"Tidak mustahil banjir akan berlaku dalam tempoh enam hingga 24 jam daripada waktu paras air dikesan iaitu sekitar pukul 6 petang," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, impak lebih buruk daripada banjir kilat dijangka akan berlaku sekiranya limpahan air sungai berlaku.

Ini kerana, menurut Hanapi, kuantiti air yang banyak akan mengakibatkan tempoh banjir berlarutan sehingga lebih daripada sehari malah impaknya



HUJAN lebat selama dua jam mengakibatkan banjir di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur tidak lama dahulu. - Gambar hiasan.

akan dirasakan lebih ramai penduduk.

"Situasi ini berbeza dengan banjir kilat yang hanya berlaku untuk tempoh beberapa jam.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga dan mengutamakan nyawa dalam apa jua situasi," katanya.

Pada masa sama, beliau tidak menolak kemungkinan akan berlaku banjir besar jika hujan turun melebihi 200 hingga 300mm sehari sebagaimana yang berlaku di Kota Tinggi, Johor tahun lalu.

"Kita dapati negeri Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Perak dan Sarawak menerima kuantiti hujan yang agak tinggi dalam sehari.

"Bagi menangani berlakunya bencana banjir, pihak kami sentiasa

menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain agar dapat memberikan bantuan pada bila-bila masa yang diperlukan," katanya.

Keadaan pergerakan angin di enam buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang dan Sarawak mencatat kelajuan di sekitar 20 hingga 50 kilometer sejam di beberapa kawasan perairan.

Antaranya kawasan perairan Reef North, Reef South, Tioman dan Kuching.

Sementara itu, purata taburan hujan bagi kesemua negeri yang terbabit pula menunjukkan sekitar 0 hingga 35 milimeter sehari dan meliputi beberapa kawasan misalnya Ipoh, Petaling Jaya, Subang, Kluang, Temerloh dan Mulu.

Air pasang besar landa Sarawak 16 November ini

KUCHING - Persiapan Sarawak untuk menghadapi air pasang besar dijangka berlaku di negeri ini.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Fatimah Abdullah berkata, beberapa kawasan rendah mungkin dinaiki air sekiranya terdapat hujan ketika berlaku air pasang besar yang dijangka berterusan hingga 18 November.

"Kami bukan hanya bersedia menghadapi kemungkinan ini tetapi juga musim hujan akan datang yang sepatutnya bermula sekarang hingga Januari tahun depan," katanya selepas menerima kunjungan hormat anggota Ke-

lab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional Sarawak di pejabatnya di sini.

Fatimah berkata, persiapan Kementerian itu tahun ini lebih menyeluruh setelah mengambil kira pengalaman yang dilaluinya tahun lepas.

Katanya, antara persiapan yang dibuat adalah memilih pusat penempatan di kawasan le-

bih strategik dan menambah jumlah pangkalan hadapan yang berperanan sebagai tempat menyimpan barang keperluan untuk diagih kepada mangsa banjir.

Fatimah berkata, sebuah pasukan petugas kaunseling juga ditubuhkan untuk membantu mangsa yang hilang tempat tinggal akibat banjir. - Bernama



FATIMAH